

ERA PERALIHAN KUASA BRITISH
DI NEGARA KITA

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

4.1 British Military Administration

- 1 British Military Administration (BMA) telah dilaksanakan di Tanah Melayu dari September 1945 hingga Mac 1946. Apakah tujuan sistem pentadbiran tersebut dilaksanakan? (BUKU TEKS m.s. 94)
- A Memulihkan keamanan
B Mewujudkan perpaduan
C Menjimatkan kos pentadbiran
D Menyeragamkan sistem pentadbiran

4.2 Gagasan Malayan Union

- 2 Mengapakah British memperkenalkan sistem pentadbiran yang berikut di Tanah Melayu? (BUKU TEKS m.s. 95)

Malayan Union 1946

- I Melicinkan pentadbiran
II Mengukuhkan pertahanan
III Mengukuhkan perpaduan antara kaum
IV Melibatkan orang tempatan dalam pentadbiran
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 3 Malayan Union merupakan gabungan 11 Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura.

Siapakah ketua pentadbir Malayan Union? (BUKU TEKS m.s. 97)

- A Residen British
B Gabenor British
C Konsular British
D Pesuruhjaya Tinggi British

- 4 Majlis berikut telah ditubuhkan dalam Malayan Union.

- Majlis Eksekutif
- Majlis Perundangan

Kedua-dua majlis tersebut diletakkan di bawah kawalan (BUKU TEKS m.s. 97)

- A Raja Melayu
B Raja England
C Gabenor British
D Pesuruhjaya Tinggi British

- 5 Menurut perlembagaan Malayan Union, Raja-raja Melayu akan menjadi ahli Majlis Raja-Raja Melayu. Apakah yang dibincangkan oleh mereka dalam majlis tersebut? (BUKU TEKS m.s. 97)

- I Agama Islam
II Adat-istiadat orang Melayu
III Hak istimewa orang Melayu
IV Hal ehwal pentadbiran negeri
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 6 Prinsip berikut menjadi asas kerakyatan Malayan Union.

Prinsip jus soli

Berdasarkan prinsip tersebut, kerakyatan Malayan Union yang diberikan adalah berasaskan (BUKU TEKS m.s. 97)

- A keturunan
B tempat lahir
C taraf pendidikan
D kegiatan ekonomi

- 7 Jadual berikut berkaitan dengan status Tanah Melayu.

Tempoh Masa	Status Tanah Melayu
Sebelum Perang Dunia Kedua	Negeri naungan British
Selepas 1 April 1946	X

Apakah X? (BUKU TEKS m.s. 97)

- A Negeri jagaan British
B Negeri yang merdeka
C Tanah jajahan British
D Tanah perlindungan British

- 8 Pada 11 Oktober 1945, Sir Harold MacMichael, wakil kerajaan British tiba di Tanah Melayu.

Apakah tujuan kedatangan beliau? (BUKU TEKS m.s. 98)

- A Menggubal perlembagaan Malayan Union
B Memberi penjelasan tentang pembentukan Malayan Union
C Meninjau penentangan orang tempatan terhadap Malayan Union
D Mendapatkan tandatangan sultan untuk penubuhan Malayan Union

- 9 Apakah cara yang digunakan oleh kedua-dua tokoh berikut untuk mendapatkan persetujuan pemimpin tempatan?

BUKU TEKS ms. 99, 102

Tokoh	Misi
Sir Harold Mac Michael	Pelaksanaan Malayan Union
Gerard T. MacBryan	Penyerahan Sarawak

- A Perjanjian
B Perundingan
C Tipu muslihat
D Pembayaran ganjaran

4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union

- 10 Raja-raja Melayu menyuarakan bantahan dan tentangan terhadap Malayan Union. Mengapakah mereka berbuat demikian?

BUKU TEKS ms. 100

- I Hilang kedaulatan
II Hilang kuasa politik
III Sistem pemerintahan beraja terhapus
IV Sistem pemerintahan demokrasi dilaksanakan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 11 Pembentukan Malayan Union dibantah oleh sebahagian besar orang Melayu. Mengapakah orang Melayu menentang Malayan Union?

BUKU TEKS ms. 100

- I Kerakyatan melalui prinsip jus soli
II Kehilangan kuasa Raja-raja Melayu
III Kemerdekaan Tanah Melayu dilengah-lengahkan
IV Singapura tidak dimasukkan dalam Malayan Union
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 12 Apakah isu utama yang dimuatkan dalam akhbar berikut pada tahun 1946?

BUKU TEKS ms. 102

- *Majlis* (Kuala Lumpur)
- *Warta Negara* (Pulau Pinang)
- *Utusan Melayu* (Singapura)

- A Darurat
B Pilihan raya
C Kemerdekaan Tanah Melayu
D Pembentukan Malayan Union

- 13 Pembentukan Malayan Union menimbulkan penentangan daripada orang Melayu. Bagaimanakah orang Melayu menentang Malayan Union?

BUKU TEKS ms. 102

- I Menerusi akhbar
II Mengadakan demonstrasi
III Melancarkan perang gerila
IV Mengadakan pemberontakan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 14 Petikan akhbar berikut memuatkan pandangan seseorang individu terhadap Malayan Union.

12 Oktober 1945

"...dari pandangan sepintas lalu dapatlah diketahui bahawa cadangan Malayan Union itu menguntungkan orang-orang bukan Melayu. Hal ini amat mencemaskan fikiran dan perasaan orang Melayu mengenai hari depan mereka Para sultan hendaklah menimbang dengan sepenuh hati cadangan Malayan Union ini sebelum menyetujuinya....."

Diubahsuai daripada *Utusan Melayu*, 12 Oktober 1945

Berdasarkan petikan akhbar tersebut, apakah yang menguntungkan orang bukan Melayu?

BUKU TEKS ms. 102

- A Hak berpolitik
B Hak kerakyatan
C Peluang ekonomi
D Peluang pendidikan

- 15 Tokoh wanita yang berikut telah memberikan sumbangan yang penting dalam perkembangan politik negara kita

- Zahara Abdullah
- Halimahton Majid
- Datin Puteh Mariah

Apakah sumbangan mereka?

BUKU TEKS ms. 103

- A Menentang Malayan Union
B Menubuhkan Sekolah Latihan Kaum Wanita
C Menjadi pegawai perkhidmatan awam
D Menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

- 16 Kongres berikut telah dihadiri oleh 41 buah persatuan Melayu.

Tarikh	1 – 4 Mac 1946
Tempat	Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur.
Peristiwa	Kongres Melayu Pertama

Apakah keputusan yang dicapai dalam kongres tersebut?

BUKU TEKS ms. 105

- A Mengadakan rapat umum
B Menghantar surat bantahan ke London
C Mengadakan rundingan dengan pihak British
D Menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union

- 17 Slogan berikut dilancarkan oleh orang Melayu dalam demonstrasi yang diadakan di Ipoh, Perak pada tahun 1946.

"Kami Berkehendak Naungan, Bukan Penaklukan"

Mengapakah demonstrasi tersebut diadakan? BUKU TEKS m.s. 104

- A Menentang tentera Jepun
- B Menentang Pentadbiran Tentera British
- C Membantah pelaksanaan Malayan Union
- D Membantah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu

- 18 Ahli Parlimen British berikut telah membuat lawatan ke Tanah Melayu pada bulan Mei 1946.

• L.D. Gammans
• David Rees Williams

Apakah tujuan lawatan mereka? BUKU TEKS m.s. 106

- A Meminda perlembagaan Malayan Union
- B Mengisytiharkan pelaksanaan Malayan Union
- C Memujuk orang Melayu menerima Malayan Union
- D Meninjau bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union

- 19 Penubuhan Malayan Union membawa berkat kepada orang Melayu. Mengapakah dikatakan demikian? BUKU TEKS m.s. 106

- A Peningkatan ekonomi
- B Perkembangan budaya
- C Pengukuhan perpaduan
- D Penambahan kuasa sultan

4.4 Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British

- 20 Maklumat berikut merupakan faktor penyerahan Sarawak kepada kerajaan British pada 1946. BUKU TEKS m.s. 107

• Masalah pewarisan takhta
• Masalah kewangan
• X

Apakah X?

- A Menjaga keamanan
- B Desakan pelabur Barat
- C Melicinkan pentadbiran
- D Desakan kerajaan British

- 21 Selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan British mendesak Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak.

Mengapakah kerajaan British berbuat demikian? BUKU TEKS m.s. 107

- A Membanteras komunis
- B Memulihkan keamanan
- C Membangunkan ekonomi
- D Menjamin kepentingan pelaburan

- 22 Mengapakah Charles Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946? BUKU TEKS m.s. 107

- A Ancaman komunis
- B Masalah kewangan
- C Desakan penduduk tempatan
- D Gagal menamatkan pemberontakan

- 23 Rang undang-undang berikut diluluskan oleh Majlis Negeri pada tahun 1946.

Cession Bill

Apakah kesannya terhadap Sarawak? BUKU TEKS m.s. 108

- A Menerima penasihat British
- B Menjadi negeri yang berdaulat
- C Menjadi Jajahan Mahkota British
- D Menyertai Persekutuan Malaysia

- 24 Dialog berikut mungkin berlaku pada tahun 1946 di Sarawak.

Pemimpin A:
Penyerahan Sarawak bertentangan dengan Perlembagaan 1941.

Pemimpin B:
Kita mesti bersatu untuk mempertahankan perlembagaan tersebut.

Mengapakah pemimpin tempatan Sarawak mengharapkan pelaksanaan Perlembagaan 1941? BUKU TEKS m.s. 109

- A Berpeluang berkerajaan sendiri
- B Berpeluang memegang jawatan tinggi
- C Berpeluang menguasai pentadbiran daerah
- D Berpeluang mengekalkan pentadbiran tradisional

- 25 Mengapakah penduduk Sarawak membantah penyerahan Sarawak kepada British pada tahun 1946? BUKU TEKS m.s. 109

- A Bercanggah dengan Perlembagaan 1941
- B Bertentangan dengan keputusan Majlis Negeri
- C Bercanggah dengan amalan tradisi masyarakat
- D Bertentangan dengan hak istimewa pemimpin tempatan

26 Vyner Brooke menghantar Gerard T. MacBryan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan berkaitan penyerahan Sarawak kepada British.

Apakah muslihat yang digunakan oleh Gerard T. MacBryan dalam menjalankan tanggungjawabnya? (BUKU Teks, hal. 109)

- I Tekanan III Toleransi
II Sogokan IV Rundingan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

27 Kebanyakan daripada mereka yang terlibat dalam gerakan antipenyerahan Sarawak terdiri daripada kakitangan kerajaan.

Bagaimanakah British menangani masalah tersebut? (BUKU Teks, hal. 110)

- A Mengadakan rundingan
B Memecat pegawai kerajaan
C Mengeluarkan Pekeliling No. 9
D Menkuatkuasakan Akta Pendidikan

28 Pada bulan Disember 1946, British mengeluarkan Pekeliling No. 9/1946.

Apakah reaksi kakitangan kerajaan terhadap pengeluaran pekeling tersebut? (BUKU Teks, hal. 110)

- A Mengadakan demonstrasi
B Melancarkan pemberontakan
C Meletakkan jawatan beramai-ramai
D Mengadakan rundingan dengan British

29 Tokoh-tokoh berikut memberi sumbangan yang penting dalam sejarah negeri Sarawak.

- Morshidi Sidek
- Bujang Suntong
- Awang Rambli

Apakah sumbangan mereka? (BUKU Teks, hal. 111)

- A Menjadi pemimpin orang Melayu
B Menjadi anggota Majlis Tertinggi
C Memimpin gerakan antipenyerahan
D Menggubal Perlembagaan 1941

4.5 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British

30 Penyerahan Sabah kepada kerajaan British tidak menimbulkan sebarang bantahan daripada penduduk tempatan. Mengapakah berlaku keadaan demikian? (BUKU Teks, hal. 112)

- A Kekurangan kesedaran politik
B Kemerosotan sistem ekonomi
C Kesulitan sistem pengangkutan
D Kelemahan pemimpin tempatan